

SEMBANG WAGHIH

BIL.8
30 MAC 2026
(10 SYAWAL 1447H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTM CNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

ISTIQAMAH BERIBADAH

Istiqamah dalam beribadah merupakan antara cabaran terbesar bagi seorang Muslim. Ramai yang mampu melakukan kebaikan sekali-sekala, tetapi tidak semua mampu untuk terus konsisten melakukannya sepanjang hayat. Hakikatnya, nilai istiqamah itu lebih tinggi di sisi Allah berbanding amalan yang banyak tetapi terputus-putus.

Sabda Rasulullah SAW :

Rasulullah SAW juga menegaskan kepentingan istiqamah dalam sebuah hadis:

"Amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah amalan yang berterusan walaupun sedikit."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini memberikan satu mesej yang sangat jelas, bukan kuantiti amalan yang menjadi ukuran utama, tetapi konsistensi dalam melakukannya. Solat sunat dua rakaat setiap hari lebih baik daripada solat panjang yang hanya dilakukan sekali-sekala.

Di sinilah pentingnya mujahadah, iaitu usaha bersungguh-sungguh melawan kehendak nafsu. Seorang Mukmin perlu sentiasa mengingatkan dirinya tentang tujuan hidup, iaitu untuk beribadah kepada Allah. Tanpa kesedaran ini, ibadah akan menjadi beban, bukan keperluan.

Cara Mengekalkan Istiqamah :

Antara cara untuk mengekalkan istiqamah ialah dengan menjaga hubungan dengan Allah melalui amalan wajib seperti solat lima waktu. Solat merupakan tiang agama dan asas kepada segala amalan lain. Jika solat terjaga, maka amalan lain akan lebih mudah untuk dilakukan.

Selain itu, amalan zikir dan membaca Al-Quran juga sangat membantu dalam menenangkan hati dan menguatkan jiwa. Hati yang sentiasa diisi dengan kalam Allah akan lebih mudah untuk terus berada di jalan kebaikan.

Persekitaran juga memainkan peranan penting. Berkawan dengan orang-orang soleh akan membantu kita untuk terus istiqamah. Mereka akan sentiasa mengingatkan kita apabila kita lalai dan memberi semangat apabila kita lemah. Sebaliknya, pergaulan yang negatif boleh menarik kita jauh daripada jalan kebenaran.

Doa jangan dilupa :

Tidak kurang pentingnya ialah doa. Kita perlu sentiasa memohon kepada Allah agar diberikan kekuatan untuk istiqamah. Rasulullah SAW sendiri sering berdoa:

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

"Wahai Yang Membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu."

Ini menunjukkan bahawa hati manusia sangat mudah berubah, dan hanya dengan pertolongan Allah kita mampu kekal istiqamah.

Selain itu, kita juga perlu memahami bahawa turun naik dalam ibadah adalah sesuatu yang normal. Ada masa kita bersemangat, ada masa kita lemah. Namun, yang penting adalah kita tidak berhenti terus. Jika terjatuh, bangkitlah kembali. Jika lalai, segera bertaubat dan kembali kepada Allah.

Istiqamah bukan bermaksud kita tidak pernah melakukan kesalahan, tetapi kita sentiasa kembali kepada Allah setiap kali tersasar. Inilah sifat seorang hamba yang sebenar, tidak sempurna, tetapi sentiasa berusaha.



Sebagai contoh, kita mungkin tidak mampu membaca satu juzuk Al-Quran setiap hari, tetapi kita boleh mulakan dengan satu muka surat. Yang penting adalah konsisten. Lama-kelamaan, amalan kecil itu akan menjadi besar di sisi Allah kerana keikhlasan dan kesungguhan kita.

Kesimpulan :

Istiqamah adalah perjalanan sepanjang hayat. Ia bukan destinasi yang boleh dicapai dalam sehari dua. Ia memerlukan kesabaran, pengorbanan dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah.

Marilah kita sama-sama berusaha untuk menjadi hamba yang istiqamah. Jangan tunggu sempurna untuk bermula, tetapi mulakan dengan apa yang kita mampu. Ingatlah, amalan yang kecil tetapi berterusan lebih dicintai oleh Allah berbanding amalan besar yang terhenti di tengah jalan.

Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita hati yang teguh, iman yang kuat dan kemampuan untuk terus istiqamah dalam beribadah hingga ke akhir hayat. Aamiin.

Oleh : Izwaniyati Ibrahim – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

RAMADHAN BULAN MEMBERSIH JIWA, AIDILFITRI BULAN MENGUKUH SILATURRAHIM

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan peluang kepada kita untuk memperbaiki diri. Bulan Ramadan bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga sebagai medan penyucian jiwa daripada sifat-sifat mazmumah seperti marah, hasad dengki, dan lalai daripada mengingati Allah.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

Ayat ini menunjukkan bahawa tujuan utama ibadah puasa untuk melahirkan insan yang bertaqwa. Setiap Muslim dilatih untuk mengawal diri daripada perkara yang membatalkan puasa malah mengawal hawa nafsu, seterusnya membentuk keperibadian muslim yang taat kepada perintah Allah.

Umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah seperti solat sunat tarawih, membaca Al-Quran, bersedekah dan berzikir sepanjang bulan Ramadan. Amalan-amalan ini bukan sekadar untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, malah menyumbang kepada pembentukan jiwa yang lebih tenang, sabar dan bertakwa.

Ramadan sentiasa mengingatkan umat Islam tentang kesederhanaan dan keinsafan. Saat kita menahan lapar dan dahaga, kita lebih memahami mereka yang kurang bernasib baik. Oleh itu, melalui amalan sedekah, infak, dan zakat fitrah sepanjang bulan ini bukan sahaja membersihkan harta, tetapi juga menyucikan hati daripada sifat kedekut, tamak dan mementingkan diri sendiri.


Ramadan telah berlalu pergi, Syawal disambut dengan penuh kesyukuran dan kemaafan sebagai tanda kejayaan menempuh ujian Ramadan. Tradisi saling bermaaf-maafan pada hari raya mengingatkan kita tentang pentingnya memelihara hubungan sesama manusia serta membersihkan hati daripada rasa dendam dan prasangka, meskipun tradisi ini semakin pudar ditelan masa.



Oleh : Izwaniyati Ibrahim – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

Aidilfitri membuka ruang untuk mengeratkan silaturrahim antara keluarga, jiran, dan rakan sekerja. Aktiviti seperti menziarahi saudara-mara, rumah terbuka dan saling bertanya khabar membantu memperkukuhkan hubungan yang renggang akibat kesibukan harian. Hubungan yang dijaga dengan ikhlas ini akan mendatangkan keberkatan dalam kehidupan seharian.

Kesimpulannya, Ramadhan mendidik kita untuk membersihkan jiwa dan memperbaiki hubungan dengan Allah SWT, manakala Aidilfitri pula menjadi masa untuk mengukuhkan hubungan sesama manusia. Semoga segala amalan baik yang dilakukan sepanjang Ramadhan dapat diteruskan dalam kehidupan seharian, dan semangat silaturrahim yang disemai pada Aidilfitri akan terus kekal sepanjang masa.



Oleh : Muhammad Luqman Roslan – Pegawai Eksekutif (HEI)

KELEBIHAN SOLAT DISAF PERTAMA

Solat di saf yang pertama mempunyai begitu banyak kelebihan seperti yang disebutkan oleh banyak riwayat. Antaranya seperti yang disebutkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النَّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ، ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهْمُوا عَلَيْهِ لَأَسْتَهَمُوا

Maksudnya: Sekiranya manusia mengetahui apa (kebaikan) yang terdapat pada azan dan saf yang pertama, kemudian mereka tidak mendapati cara untuk mendapatkan ia melainkan dengan mencabut undi, pasti mereka akan mencabut undi.

Riwayat Al-Bukhari (615)

Berdasarkan hadis di atas, sekiranya manusia itu benar-benar mempunyai ilmu pengetahuan terhadap besarnya ganjaran dan fadhilat solat di saf yang pertama, sudah pasti mereka akan berebut-rebut mengambil peluang bagi memenuhi saf pertama. Sehingga jika tiada cara lain, pasti mereka akan menggunakan cara mencabut undi bagi menentukan siapakah yang dapat mengisi saf yang pertama.

Berikut kami kongsi kelebihan saf yang pertama serta keutamaan solat di dalamnya.

Allah dan Para Malaikat Berselawat Kepada Saf Pertama

Ini berdasarkan sebuah riwayat daripada Abd al-Rahman bin 'Auf beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الصَّفِّ الْأَوَّلِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya berselawat ke atas saf yang pertama.

Riwayat Ibn Majah (999)

Imam Al-Munawi Rahimahullah apabila mensyarahkan hadis ini beliau berkata: iaitu Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada ahlinya (mereka yang bersolat di saf yang pertama) iaitu dengan beristighfar kepada mereka. Rujuk Faydh Al-Qadir, Al-Munawi.

Demikianlah keutamaan saf paling hadapan di dalam solat berjemaah. Yang amat dikesalkan terdapat ramai di antara kita yang tidak lagi memberi perhatian terhadap keutamaan-keutamaan ini. Umat Islam di Malaysia seakan-akan tidak ghairah merebut saf pertama.

Mereka lebih memilih untuk mendapatkan tempat yang membolehkan mereka bersandar dengan selesa seperti di tiang-tiang atau di dinding masjid, berdekatan dengan kipas dan pintu supaya dapat cepat keluar setelah selesai bersolat.



جاوي

ادب زياره دالم اسلام

زياره مروفاكن ساتو عملن يڄ ساعث دانجوركن دالم اسلام كران اي دافت
مغرتكن هوبوڄن , منظاهيركن كاسيه سايڄ سرتا مڄواتكن اخوه سسام
ماءنسي. سام اد منزيارهي اهلي كلوارڳ, صحابت هنداي, جيرن تتڄڳ
ماهوڄون اورڄ ساكيت, ستياڄ كونجوڄن ايت ممڄوپاءي نيلاي ڄهالا يڄ بسر
دسيبي الله جك دلاكوكن دڄن ادب يڄ بتول

انتارا ادب اوتام دالم زياره اياه منجاڳ نيه. زياره هندقله دلاكوكن كران الله,
بوكن سقدر اونتوق ممنوهي ماس لافڄ اتاو كڄنتيڄن ترتنتو. نيه يڄ اخلاص
اكن منجاڳيكن ستياڄ لڄكه كيت منوجو كرومه اورڄ لاءين سباڳاي عبادة دان
دبري كنجرن ڄهالا

ستروسن, منجاڳ وقتو زياره اداله ڄرڪارا يڄ ساعث ڄنتيڄ. ايلقن داتڄ ڄد وقتو
يڄ تيدق سسواي سڄرتي ترلاو اول ڄاڳي, وقتو ريحت تڄه هاري اتاو ليوات
مالم. ڄيليهله ماس يڄ مناسبه اڳر تيدق مپوسهڳن توان رومه. اين
منوجوڄن كڄيڪاءن دان ادب كيت ترهادڄ اورڄ لاءين.

كسيمڄولنن, زياره بوكن سقدر كونجوڄن بياسا, تتاڄي ساتو عبادة يڄ ڄنوه
دڄن نيلاي مورني جك دلاكوكن دڄن ادب يڄ بتول. دڄن منجاڳ ادب ۲ زياره,
ڳپت بوكن سهاج مغرتكن هوبوڄن سسام ماءنسي, ماله مندكتن ديرني كڄد
الله. سموڳ كيت سموا دافت مڄعملكن ادب زياره يڄ داڄر اوليه اسلام دان
منجاڳيكن سباڳاي ساتو عملن يڄ برتروسن دالم كهيدوڄن سهارينزيارهم

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

4 Feb 2026 (Rabu) | UiTM Cawangan Melaka : Ziarah Mahabbah
Unit Hal Ehwal Islam Cawangan Negeri Sembilan ke
UiTM Cawangan Melaka dan Wakaf Dusun Ilmu (WADI)



6 Feb 2026 (Jumaat) | UiTM Kampus Rembau : Majlis Serahan Zakat
Wakalah AHB kepada UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

13 Feb 2026 (Jumaat) | Bilik Mesyuarat Pentadbiran : Program Bicara Santai Ambang Ramadan Bersama YBrs. Dr. Mohd Kamel Mat Salleh (Koordinator, ACIS)



25 Feb 2026 (Rabu) | Pintu Masuk Utama : Agihan Bubur Lambuk kepada Warga UiTM Kampus Seremban

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

26 Feb 2026 (Khamis) | Google Meet : Forum Ramadan Yang Dinanti



DAH
SELAWAT



KE

HARI NI



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

KEMPEN

JOM BERSELAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ



Sabda Rasulullah SAW :

Barangsiapa yang berselawat
kepadaku sekali Allah SWT
akan berselawat kepadanya
sepuluh kali.

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban



SAHAM AKHIRAT




 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Kuala Pilah

**TABUNG PUSAT ISLAM
 AL TAOWA**
 KAMPUS KUALA PILAH
 CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

"JOM BERSEDEKAH"
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN1/02/22>


 IMBAS QR
 CODE &
 DERMA

UNIT HAL EHWAL ISLAM
 UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
 KAMPUS KUALA PILAH

© hein9_k.pilah Unit Hal Ehwat Islam UiTM
 Cawangan Negeri Sembilan


 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 Unit Hal Ehwat Islam
 Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Rembau

Tabung Pusat Islam
 UiTM Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Rembau


 IMBAS
 &
 DERMA

JOM BERSEDEKAH
[HTTPS://UITMPAY.UITM.EDU.MY/GIVING/PRODUCT/AAN3/02/23](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/product/AAN3/02/23)

f @ UHEI UiTM Kampus Rembau


 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Seremban

**TABUNG
 PUSAT ISLAM**
 SHEIKH HAJI AHMAD SAID
 UiTM Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Seremban



**Best
 CHOICE**


**Jom
 BERSEDEKAH**


Unit Hal Ehwat Islam
 UiTM Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Seremban






 DuitNow
 QR


 SCAN ME

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 PUSAT ISLAM UiTM CNS
 KAMPUS SEREMBAN

Malaysia National QR


 BANK ISLAM

Sumbangan Anda
 Kami Hargai

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Timbalan Pendaftar (N12)

Ketua Unit Hal Ehwal Islam I UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

Jalan UiTM Rembau

71300 Rembau

Negeri Sembilan

Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



06-4832291



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

